


**DUA RAKYAT ASING ANTARA ENAM ORANG  
DITUGASKAN SIASAT KES KETUA HAKIM NEGARA**

# Hamid Omar



TAN SRI DATUK  
ABDUL HAMID OMAR



TAN SRI DATUK  
LEE HUN HOE

# pengengerusi tribunal

14 JUN 1988

**KUALA LUMPUR 13 Jun —** Kerajaan hari ini mengumumkan perlantikan tribunal yang dianggotai oleh enam orang bagi menyasat kes Ketua Hakim Negara yang sedang digantung perkhidmatannya, Tun Mohd. Salleh Abas.

Tribunal tersebut dipengerusikan oleh Hakim Besar Malaya, Tan Sri Datuk Abdul Hamid Haji Omar. Anggota - anggotanya terdiri daripada Hakim Besar Borneo, Tan Sri Datuk Lee Hun Hoe, Hakim Besar Sri Lanka, K.A.P. Ranasinghe, Hakim Kanan Mahkamah Agung Singapura, T.S. Sinnathuray, bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Abdul Aziz Zain dan bekas Hakim Mahkamah Tinggi Malaya, Tan Sri Datuk Mohd. Zahir Ismail yang kini Speaker Dewan Rakyat. Satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri lewat petang ini, menjelaskan Yang di-Pertuan Agong telah berkenan melantik anggota - anggota tribunal itu selaras dengan peruntukan Artikel 125 (3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan untuk menyasat dan membuat syor kepada Seri Paduka sama ada Tun Mohd. Salleh perlu ditamatkan jawatannya kerana kelakuannya

## HAMID OMAR AKAN TEMUI ANGGOTA2 TRIBUNAL SECEPAT MUNGKIN

**KUALA LUMPUR 13 Jun** — Hakim Besar Malaya, Tan Sri Abdul Hamid Omar yang telah dilantik sebagai pengerusi tribunal bagi menyasat kes Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas yang telah digantung jawatannya, akan menemui anggota -

anggota tribunal itu yang lain secepat mungkin untuk memutuskan tarikh bagi tribunal itu bersidang. Tan Sri Hamid yang juga Pemangku Ketua Hakim Negara memberitahu Bernama di sini hari ini beliau perlu berbincang

dengan anggota-anggota lain tribunal itu terlebih dahulu sebelum menetapkan tarikh itu. **14 JUN 1988** Beliau enggan mengulas apabila ditanya sama ada kemungkinan penyiasatan itu dibuka kepada umum dan menambah kata beliau

perlu membincangkan perkara itu dengan anggota - anggota yang lain terlebih dahulu. Tun Salleh dalam kenyataannya pada awal bulan ini telah meminta supaya penyiasatan itu dibuka kepada umum. — Bernama.

atau sebab - sebab lain yang menunjukkan beliau tidak dapat menjalankan tugas - tugasnya dengan sempurna. Kenyataan itu menjelaskan Hakim Besar Singapura, Wee Chong Jin tidak dapat menganggotai tribunal itu kerana beliau berada di luar republik itu. Oleh itu, Hakim Sinnathuray, hakim kanan selepas Hakim Besar Singapura, dilantik sebagai anggota. Sebagai Hakim Kanan Mahkamah Agung Singapura, beliau dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas - tugas Hakim Besar Singapura semasa beliau tidak dapat menjalankan tugas - tugasnya. Keputusan untuk menubuhkan tribunal itu dibuat atas permintaan Tun Salleh sendiri.

Pada 27 Mei, Tun Salleh menemui Perdana Menteri yang memberitahunya bahawa Yang di-Pertuan Agong mahu supaya perkhidmatan beliau ditamatkan dan sebuah tribunal ditubuhkan untuk tujuan itu. Pada hari berikutnya, Tun Salleh memohon kepada Perdana Menteri untuk menghabiskan cutinya sebanyak 96 hari dan bersara lebih awal. Bagaimanapun, pada 29 Mei, beliau mengubah fikiran dan menarik balik permohonan cuti itu. Jabatan Perdana Menteri kemudian mengeluarkan satu kenyataan bahawa Tun Salleh digantung jawatan sementara menunggu penubuhan tribunal untuk menentukan kedudukannya. — Bernama.



T.S. SINNATHURAY



TAN SRI DATUK  
MOHD. ZAHIR ISMAIL